



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2
51 PERSIARAN PERDANA
PRESINT 4,
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915556
Faks : 03-88915557
Portal : www.kpkt.gov.my
Emel : pro@kpkt.gov.my
Twitter : www.twitter.com/kpkt_gov
Facebook : www.facebook.com/KPKTMalaysia

Fail : KPKT/BPK/19/9/4 Klt.3 (71)

Tarikh : 6 September 2014

SIARAN MEDIA

RUMAH PANGSA KILANG LAMA BERWAJAH BARU DENGAN KOS BAIK PULIH RM1,161,649.00

KULIM, 6 SEPTEMBER 2014 - Kos rendah, berimpak tinggi dan pelaksanaan pantas itulah matlamat utama Program Transformasi Sosial Strategi Lautan Biru Kebangsaan 7 (*National Blue Ocean Strategy – NBOS 7*) Kejiranan Indah yang dirasmikan di Rumah Pangsa Kilang Lama oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan(KPKT) pada pagi ini.

2. Rumah pangsa 5 tingkat milik Kerajaan Negeri Kedah yang dibina pada 1984 ini dan telah dibaik pulih oleh KPKT menerusi inisiatif Program Strategi Lautan Biru Kebangsaan ke 7 (NBOS7) melibatkan kos RM1,161,649.00. Kerja baik pulih ini telah dijalankan pada 2013.

3. Program Transformasi Sosial ini dilaksanakan di kesemua kawasan yang terlibat dengan program NBOS7 - Kejiranan Indah. Melalui NBOS7 ini perumahan awam terutamanya rumah-rumah pangsa dibaikpulih dan dinaiktaraf bagi mewujudkan satu suasana dan persekitaran kehidupan yang lebih kondusif kepada rakyat. Ia merupakan projek fizikal yang melibatkan penyelenggaraan bangunan, naiktaraf kemudahan infrastruktur dan penyediaan komponen landskap dan rekreasi.

4. Berkonsepkan bahawa penjagaan berterusan kemudahan awam tidak hanya bergantung kepada Kerajaan, Program Transformasi Sosial dijalankan menerusi objektif ini:

- Mewujudkan kejiranan indah yang mampan dengan penglibatan masyarakat setempat terhadap program dan aktiviti yang dijalankan;

- Mewujudkan nilai kebertanggungjawaban (*sense of belonging*) terhadap kawasan setempat meliputi aspek keselamatan, kebersihan dan keselamatan;
- Memastikan kesejahteraan sosial dipupuk dalam nilai masyarakat setempat sebagai usaha meningkatkan kejiranan yang sejahtera, baik dari segi fizikal, mental dan sosial; dan
- Menggalakkan penyertaan penduduk dalam perancangan dan pelaksanaan program/ aktiviti kesukarelawan.

5. KPKT menjayakan Program Transformasi Sosial Strategi ini menerusi kerjasama rentas kementerian, jabatan dan agensi di kesemua 29 lokasi NBOS Kejiranan Indah seperti Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD), Jabatan Bomba dan Penyelamat (BOMBA), Jabatan Landskap Negara (JLN), Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), Jabatan Kesihatan, Kementerian Dalam Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan 1M4U.

6. 5 program di bawah Program Transformasi Sosial ini adalah:-

- Program Bandar Selamat** diwujudkan untuk mengurangkan jenayah melalui aktiviti *omnipresence* dan rondaan keselamatan oleh PDRM. PDRM dan agensi-agensi terlibat telah melaksanakan lebih daripada 500 rondaan di kawasan NBOS Kejiranan Indah bermula Januari hingga Julai 2014. Selain daripada itu, Program AMANITA yang terdiri daripada anggota polis wanita sebagai ahli akan diperkenalkan untuk menarik suri rumah sebagai **Rakan Amanita** untuk menjadi 'mata dan telinga' kepada pihak polis bagi menyalurkan maklumat kes jenayah yang berlaku.

- Program Bomba Komuniti** untuk memupuk kesedaran keselamatan kebakaran dan sebagai penyampai maklumat kecemasan kepada JBPM. Melalui program ini penduduk dapat membantu menjaga pili bomba, menangani kes-kes kebakaran kecil dan sebagai agen penggerak dalam mewujudkan komuniti yang mempunyai kesedaran tinggi terhadap budaya keselamatan kebakaran.

- Program Rakan Taman** diwujudkan di Rumah Pangsa ini untuk memupuk semangat kesukarelaan dan dijadikan amalan bagi memelihara, menyelenggara dan mengawasi

taman yang telah dinaik taraf. Melalui Rakan Taman, penduduk boleh bergotong-royong menyelenggara dan memperbaiki kerosakan kecil serta bersama-sama berkongsi idea untuk memperindah landskap sedia ada bagi meningkatkan keceriaan kawasan sekitar. Selain daripada itu, aktiviti menanam pokok bunga, pokok herba, sayur-sayuran yang sesuai juga boleh dijalankan selaras dengan usaha kerajaan untuk menggalakkan aktiviti pertanian bandar (*Urban Farming*).

•**Komuniti Kitar Semula** (*reduce, reuse dan recycle*) untuk meningkatkan kadar kitar semula dengan mencapai sasaran 22% menjelang 2020. Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) dengan kerjasama pihak PBT telah bersetuju untuk membuat kutipan barangan kitar semula sekurang-kurangnya sekali pada setiap bulan di Rumah Pangsa Kilang Lama. .

•**Program Kesihatan** oleh Jabatan Kerajaan Tempatan bersama Jabatan Kesihatan Negeri akan memperkenalkan dan melaksanakan program **Communication for Behavioural Impact (COMBI)** atau **komunikasi untuk perubahan tingkah laku**. Program **COMBI** adalah bertujuan untuk melibatkan masyarakat setempat dalam aktiviti-aktiviti pencegahan penyakit berjangkit khususnya demam denggi. Penduduk dapat bergotong-royong membersihkan kawasan kediaman dan pemusnahan tempat pembiakan nyamuk *Aedes* serta mengamalkan gaya hidup sihat.

7. Majlis pada pagi ini diserikan dengan kehadiran pegawai kanan KPKT, Yang Dipertua Majlis Daerah Kulim, pegawai kanan Kerajaan Negeri Kedah, pemimpin masyarakat dan wakil penduduk setempat.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Datuk Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat sembilan (9) Jabatan iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Jabatan Landskap Landskap Negara, Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata, Institut Latihan Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : pro@kpkt.gov.my